

22/09/2003

Kesepakatan BN ramuan capai kejayaan

DENGAN hanya didukung tiga parti iaitu Umno, MCA dan MIC pada 1952 kewujudan Perikatan menjadi semakin kukuh apabila pada 1974 ia diperbesarkan menjadi Barisan Nasional (BN) sehinggalah kini ia dianggotai 14 parti termasuk dari Sarawak dan Sabah. Perjuangan melalui perkongsian kuasa itu diasaskan oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman kemudian terus dilaksanakan dengan jayanya oleh perdana menteri berikutnya iaitu Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sokongan jitu rakyat itu menyebabkan setiap kali pilihan raya, BN tetap mencapai dua pertiga daripada kerusi di Dewan Rakyat.

Walaupun pada 1999, BN dianggap lemah dan tidak mungkin menang, hingga pakatan pembangkang beranggapan ia mampu menjadi kerajaan, pada tahun itu, BN menang bukan dua pertiga tetapi tiga perempat. Sebagaimana ditekankan oleh Dr Mahathir, negara sebenarnya memerlukan kerajaan yang kuat, supaya jentera pentadbiran tidak diganggu bagi melancarkan lagi program pembangunan yang dirancang. Pokoknya BN menunaikan janji ketika kempen pilihan raya. Ini berbanding parti lawan yang membuat janji termasuk yang agak aneh seperti menjamin orang yang mengundinya bakal masuk syurga sedangkan ia adalah janji politik yang sukar diterima.

Satu perkara unik yang membezakan gabungan 14 parti dalam BN dan pakatan pembangkang ialah keikhlasan untuk bekerjasama dan bukannya cantuman sementara yang hanya wujud menjelang pilihan raya. Dalam pilihan raya gabungan parti itu bertanding atas nama BN, bukan mewakili Umno, MCA, MIC, PBS dan sebagainya serta menggunakan hanya satu simbol - simbol dacing. Kesepakatan dan muafakat di kalangan pemimpin pelbagai kaum dan parti itu membolehkan pengagihan kerusi dan kawasan menjadi lebih mudah. Inilah yang membezakan BN daripada pakatan pembangkang yang satu masa dulu menamakan dirinya Barisan Alternatif tetapi masing-masing menyertai gabungan ini dengan niat mahu menipu kawan. Pas berniat untuk menipu DAP sedangkan DAP hendak menipu Keadilan. Malah DAP berniat untuk menipu semua dan begitu juga Pas.

Satu lagi kelebihan bagi BN adalah jika ada parti menarik diri, ia masih mempunyai kerusi yang cukup untuk memerintah. Itupun PBS yang pernah menarik diri mendapati ia terpencil dan mudah tewas lantas menyertai semula BN untuk bernafas semula. Hakikatnya dengan menggabungkan kuasa undi dan sokongan kepada semua parti komponen tidak kira ia mewakili Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Bajau, Iban, Murut, Orang Ulu dan sebagainya BN terus gagah dan mampu pula mengetepikan sebarang bentuk percubaan parti lawan untuk menggugat kuasanya.